

قٰتِيقْنَ قٰيٰتِه

PETIKAN TITAH

"KITA adalah bangsa yang membangun dengan undang-undang, pendidikan dan akhlak yang baik, serta bergerak maju di atas landasan ajaran agama yang suci. Kita menawarkan persahabatan kepada semua warga dunia, sambil memberitahu, bahawa kita juga adalah rakan yang baik, yang sentiasa bersedia untuk menghormati sesiapa saja."

- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun pada 25 Syaaban 1433 Hijrah / 15 Julai 2012 Masihi.



پلیٹا BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

TAHUN 61 /
BILANGAN 85

16 JULAI 2016 / 1437 شوال 11

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA



دولتِ کباؤخ دولی قان قاتیق

SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

70
15 JULAI 2016

Brunei perlu lebih aktif pelbagaikan ekonomi negara

Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Negara Brunei Darussalam perlu lebih aktif mempelbagaikan ekonomi dan mempunyai agenda lebih terancang ke arah meningkatkan hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan, Negara Brunei Darussalam tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global dilihat sedang bermasalah dan perlu mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran tersebut.

"Usaha-usaha peningkatan perlulah menyeluruh, terutama bagi bidang yang dianggap utama seperti bidang pertanian makanan asasi," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, bidang itu mestilah terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar sahaja dan seyogia perkara itu dapat diambil perhatian serius oleh pihak berkenaan dalam kerajaan.

Dalam titah baginda juga mengajak semua rakyat di negara ini supaya sama-sama bersyukur kerana dapat secara berterusan menikmati keamanan dan kesejahteraan.

Namun demikian, tegas baginda, bukanlah tiket untuk kita melonggarkan sikap berhati-hati terhadap sebarang kemungkinan yang tidak diingini.

Bahkan senario hari ini, tegas baginda, meminta kita untuk lebih berwaspada lagi.

Pendidikan 'kuasa' kelangsungan bangsa

Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, pendidikan tidak boleh berada di bawah, melainkan tempatnya ialah di atas untuk benar-benar diambil berat.

Baginda bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Ke muka 3



PELITA BRUNEI keluaran hari ini,
Sabtu, 16 Julai 2016
menerbitkan KELUARAN KHAS

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama The Rt. Hon. Theresa May, MP, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang baharu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Francois Hollande serta kerajaan dan rakyat Perancis bersempena dengan Bastille Day dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Malcolm Turnbull berikutan dengan kemenangan Liberal Party dalam Australian Federal Elections baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama The Rt. Hon. Theresa May, MP, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang baharu.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, baginda menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Great Britain, selama ini telah menikmati kerjasama yang erat dalam banyak bidang penting seperti dalam bidang pertahanan dan berharap akan terus dapat mengukuhkan persahabatan yang bersejarah dan bermilai yang dikongsikan bersama oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah semoga Puan Yang Terutama beroleh kejayaan dalam menyandang jawatannya yang baharu tersebut.

Sementara titah perutusan

Kebawah DYMM kepada Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Francois Hollande serta kerajaan dan rakyat Perancis bersempena dengan Bastille Day.

Dalam titah perutusan kepada Presiden Republik Perancis, TYT Francois Hollande itu, Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan yang tinggi terhadap persahabatan yang berharga dan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua buah negara dan berharap untuk mengukuhkan lagi ikatan persahabatan yang penting sejak sekian lama ini di masa hadapan.

Baginda mengakhiri perutusan tersebut dengan menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan ucapan semoga gembira menyambut perayaan tersebut.

Sementara itu, pada Rabu, 13 Julai, Kebawah DYMM telah berkenan mengantar titah perutusan kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Malcolm Turnbull berikutan dengan kemenangan Liberal Party dalam Australian Federal Elections baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah DYMM itu, baginda yakin kemenangan tersebut memperlihatkan kepercayaan dan keyakinan berterusan rakyat Australia dalam kepimpinan TYT dan

juga terhadap komitmen kerajaan dalam memastikan keamanan dan kestabilan yang berterusan di rantau ini.

Negara Brunei Darussalam dan Australia menikmati hubungan mesra dan akrab dan berharap berpeluang untuk mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada itu baik

secara dua hala mahupun serantau melalui ASEAN dan Trans-Pacific Partnership.

Pada mengakhiri titah perutusan baginda itu, baginda menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan keluarganya dan semoga TYT berada dalam keadaan sihat dan kegembiraan.

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Francois Hollande berikutan dengan tragedi di Nice semasa mereka menyambut Hari Kebangsaan.

Dalam titah perutusan kepada Presiden Republik Perancis, TYT Francois Hollande itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berasa terkejut mendengar tentang tragedi di Nice itu. Negara Brunei Darussalam berdiri teguh dengan rakyat Perancis dan mengutuk perbuatan pengganas tersebut.

Baginda serta kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah yang mendalam kepada kerajaan dan rakyat Republik Perancis dan juga kepada keluarga mangsa tersebut dalam waktu yang menyediakan ini.

Baginda mengakhiri perutusan tersebut dengan menyampaikan ucapan simpati yang mendalam kepada Presiden Republik Perancis, TYT Francois Hollande.

Dari Sidang Pengarang.

16 JULAI 2016 BERSAMAAN 1437 شوال 11

TINGKATKAN EKONOMI DAN PENDIDIKAN

NEGARA Brunei Darussalam perlu lebih aktif dalam mempelbagaikan ekonomi dan mempunyai agenda lebih terancang ke arah meningkatkan hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh yang demikian, negara tidak boleh leka dalam keadaan ekonomi global yang dilihat sedang bermasalah dan perlu mempunyai agenda lebih terancang bagi mencapai sasaran tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar usaha-usaha peningkatan perlu menyeluruh terutama bagi bidang yang dianggap utama seperti pertanian makanan asasi. Bidang tersebut mesti terus diperkasa sehingga mampu untuk memenuhi sara diri.

"Kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada pihak luar sahaja. Segioya perkara ini dapat diambil perhatian serius oleh pihak berkenaan dalam kerajaan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Mengadap dan Mengurniawati Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan sudah tiba masanya untuk Brunei mengaktifkan segala usaha tanpa berlengah-lengah lagi bagi menarik pelabur luar asing ke negara ini.

Salah satu contoh ke arah itu, ini tegas baginda, kita sekarang sedang merancang untuk menggerakkan ekonomi negara dengan kerajaan mengungkayahkan satu projek membina sistem pengangkutan yang selamat dan cekap.

Projek tersebut titah baginda ialah untuk memanjangkan dermaga Pelabuhan Muara dan membesar terminal kontena Muara. Ia akan menjadi pemudah cara bagi kemasukan dan penarikan pelabur luar asing ke negara ini.

Di samping itu, baginda bertitah agar menggalakkan sifat kreatif dan inovatif dalam melaksanakan semua projek pembangunan melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta atau 'Public Private Partnership'. Kaedah tersebut bertujuan sebagai pendorong ke arah perkongsian di antara sektor awam dan swasta dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan.

Selain itu, ke arah peningkatan ekonomi, Kerajaan Kebawah DYMM juga terus memacu perkembangan pendidikan. Perkara ini kerana pendidikan juga adalah aset, malah 'kuasa' untuk menentukan kelangsungan bangsa.

Dalam titah tegas baginda, pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat untuk menentukan maju mundurnya sesuatu bangsa. Jika pendidikan lemah, maka tidak siapa pun yang akan memandang tinggi kepada kita.

Oleh yang demikian, kualiti pendidikan tidak dapat dikompromi, melainkan mesti terus diperkaya dan ditingkatkan.

Baginda berharap Kementerian-Kementerian Pendidikan dan Hal Ehwal Ugama supaya sama-sama dapat berbincang dan bekerjasama dengan Unit PENGERAK di Jabatan Perdana Menteri untuk mencari jalan, bagaimana prestasi pendidikan rendah dan menengah khasnya, dapat ditingkatkan.

"Kerana dalam era mutakhir ini, beta sendiri mendapati masih ada perkara yang perlu diperbaiki," titah baginda.

Baginda bertitah, selaku tonggak utama Wawasan Brunei 2035, pendidikan tidak boleh di bawah, melainkan tempatnya ialah di atas untuk benar-benar diambil berat.

Oleh yang demikian, selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita hendaklah menanai hasrat Kebawah DYMM agar sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara. Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini berdoa agar baginda dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, sejahtera, serta kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik! - Ketua Penyuntingan (Rd).



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi JULAI	HARI	Hijrah SYAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	SABTU	11	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
17	AHAD	12	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.51	6.38	7.52
18	ISNIN	13	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
19	SELASA	14	4.42	4.52	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
20	RABU	15	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
21	KHAMIS	16	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
22	JUMAAT	17	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 2380214

Gerakkan ekonomi negara dengan sistem pengangkutan selamat, cekap

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan sudah tiba masanya untuk negara mengaktifkan segala usaha tanpa berlengah-lengah lagi bagi menarik pelabur luar asing ke negara ini.

Salah satu contoh ke arah itu, tegas baginda, kita sekarang sedang merancang untuk menggerakkan

ekonomi negara dengan kerajaan mengungkayahkan satu projek membina sistem pengangkutan yang selamat dan cekap.

Projek itu, titah baginda, ialah untuk memanjangkan dermaga Pelabuhan Muara dan membesarakan terminal kontena Muara yang akan menjadi pemudah cara bagi kemasukan dan penarikan pelabur luar asing ke negara ini.

Di samping itu, titah baginda, ia juga menggalakkan sifat kreatif dan inovatif dalam melaksanakan semua projek pembangunan melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta atau 'Public Private Partnership'.

Kaedah ini, titah baginda,

bertujuan sebagai pendorong ke arah perkongsian di antara sektor awam dan swasta dalam melaksanakan projek-projek kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.



Keputusan Britain keluar EU tidak jejas ekonomi negara

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menarik perhatian permasalahan ekonomi baru-baru ini mengenai keputusan rakyat Britain untuk keluar dari Kesatuan Eropah (EU) atau Brexit.

Keputusan itu, titah baginda, telah menimbulkan rasa gusar di kalangan para pelabur kerana ia dilihat sebagai mampu untuk menjelaskan nilai pelaburan di bursa-bursa saham antarabangsa di samping ia juga turut mendatangkan risiko ke atas nilai mata wang negara berkenaan sendiri.

Dalam hubungan itu, titah baginda,

Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang juga terlibat dalam perdagangan antarabangsa tidaklah terkecuali dari turut merasakan kesan keputusan tersebut.

Baginda juga melahirkan kesyukuran, dengan adanya dasar kerajaan melaksanakan pelaburan seimbang, maka risiko tersebut dapat kita tangani secara terurus.

"Beta penuh yakin, Kerajaan Britain dan antarabangsa adalah mampu untuk menangani pelbagai isu berpuncak dari Brexit tersebut, berdasarkan pengalaman yang luas semua pihak dalam mengatasi semua permasalahan yang ada," titah baginda pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun

yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Brunei sendiri tegas baginda, akan terus menghargai hubungan dengan United Kingdom, khasnya hubungan perdagangan yang telah berjalan sejauh ini. Kita akan tetap mengukuhkan hubungan ini untuk kebaikan bersama kedua-dua buah negara.

KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA BERKENAN MENGURNIAKAN TITAH PADA ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN BAGINDA KE-70 TAHUN YANG BERLANGSUNG DI BALAI SINGGAHSANA INDERA BUANA, ISTANA NURUL IMAN.

Pendidikan 'kuasa' kelangsungan bangsa

Dari muka 1

Menurut baginda, pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat untuk menentukan maju mundurnya sesuatu bangsa. Jika pendidikan lemah, maka tidak siapa pun yang akan memandang tinggi kepada kita.

Baginda seterusnya menegaskan, ke arah peningkatan ekonomi, kerajaan baginda akan terus memacu perkembangan pendidikan kerana pendidikan juga adalah aset, malah 'kuasa' untuk menentukan kelangsungan bangsa. Sebab itu titah baginda, kualiti pendidikan tidaklah ia dapat dikompromi, melainkan mesti terus diperkaya dan ditingkatkan. Baginda berharap agar Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya sama-sama dapat berbincang dan bekerjasama dengan Unit PENGERAK di Jabatan Perdana Menteri untuk mencari jalan, bagaimana prestasi pendidikan rendah dan menengah khasnya, dapat ditingkatkan.

"Kerana dalam era mutakhir ini, beta sendiri mendapati masih ada perkara yang perlu diperbaiki," titah baginda.

Jana pertumbuhan ekonomi melalui rakan serantau, antarabangsa



Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan lain-lain kepentingan melalui rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Baginda bertitah, Negara Brunei Darussalam juga akan sentiasa bersama-sama memainkan peranan dalam hal ehwal keselamatan serantau mahupun antarabangsa, di samping menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang memerlukan, selaras dengan kemampuan kita.

Dalam titah baginda juga menzhirkan rasa tulus ikhlas, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, mereka yang bertugas di luar negara dan seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan peringkat kebangsaan dan daerah di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan baginda serta dalam menjayakan perayaan ini.

ANTARA perwakilan asing ke negara ini dan jemputan yang hadir pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Doa dipohon buat raja tercinta



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka adinda dan anakanda baginda semasa menuaikan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 14 Julai. - Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini menadah tangan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, kekal karar memerintah negara dengan aman dan sejahtera dan bersyukur atas nikmat yang dikurniakan ke atas bumi yang tercinta ini.

Tanggal 15 Julai merupakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan tahun ini genaplah usia baginda yang ke-70 tahun dan ia adalah kurniaan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak terhingga dan seluruh rakyat serta penduduk tidak putus-putus mendoakan keafiatan dan kesejahteraan buat raja yang dikasihi.

Bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-70 Tahun ini, baginda berangkat ke Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahliil dan Doa Kesukuran berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.


Keberangkatan Kebawah DYMM dijunung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka adinda dan anakanda baginda ketika berkenan bersama-sama membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka adinda dan anakanda baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah (kiri), sementara gambar bawah, antara jemaah yang hadir pada Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahliil dan Doa Kesukuran berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.



Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengurus berserta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi serta Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berserta kerabat diraja yang lain.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kemudian disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Manakala Doa Kesukuran telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Selain itu, beberapa buah masjid lain juga dijadikan sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Negara Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Perpindahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria.

Sementara di Daerah Tutong pula ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan di Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Menyemarakkan Sambutan Hari Keputeraan baginda seperti lazimnya akan diadakan Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara di samping acara-acara lain termasuk Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk di keempat-empat daerah yang sememangnya dinantikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Istiadat Barisan Kehormatan penuh gilang-gemilang



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 diraikan dalam suasana gilang-gemilang bermula dengan Istiadat Barisan Kehormatan, di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke istiadat yang penuh tradisi berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Berangkat sama ke istiadat itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pertama Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di ibu negara dialu-alukan dengan kibaran Bendera Negara Brunei Darussalam dan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah menengah yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke Istiadat Barisan Kehormatan tersebut.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima hormat diraja diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das.

Baginda kemudian berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PDB, jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Perkhidmatan Bomba Penerbangan Awam dan pertubuhan-pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Persatuan Bulan Sabit Merah, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dan Program Khidmat Bakti Negara.

Kemudian pasukan-pasukan perbarisan yang membawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-Panji Diraja PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, 497 Leftenan Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat.

Laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian merupakan acara kemuncak istiadat disusuli dengan terbang lalu pesawat-pesawat TUDB.

Ke muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan yang penuh tradisi yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (atas).



BERANGKAT sama ke Istiadat Barisan Kehormatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pertama Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Dari muka 5

Juga berangkat dan hadir ke istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri

dan Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Ke muka 7

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



PERBARISAN lalu daripada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.



ACARA kemuncak Istiadat Barisan Kehormatan ialah laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' yang disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian.

Dari muka 6

Turut hadir pada istiadat yang penuh meriah tersebut termasuk tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara-negara jiran dan sahabat.



JUGA berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menaiki kendaraan khas bagi memeriksa pasukan-pasukan perbarisan.



PARA penuntut sekolah berbaris di sepanjang jalan menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sambil mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



PASUKAN perbarisan yang terdiri daripada anggota askar wanita ABDB (atas), sementara gambar kanan, terbang lalu pesawat-pesawat TUDB.



TEMBAKAN meriam sebanyak 21 das dilepaskan oleh anggota-anggota polis tentera ABDB diketuai oleh Mejaz Awang Mohd. Edham bin Awang Harlip.



Berkenan berangkat ke Majlis Persantapan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia

Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah serta kerabat diraja yang lain. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prawit Wongswon.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis Persantapan juga dihadiri oleh tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya ialah Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Terutama Teo Chee Hean; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prawit Wongswon; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman; Timbalan Ketua Menteri Sarawak 1, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Douglas Uggah Embas, selaku wakil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II dan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.

Persantapan dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir ke Majlis Persantapan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan Manteri-Manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, para tetamu terdiri daripada pegawai kerajaan dan swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Ke muka 9



JUGA berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah. Hadir sama, isteri Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah serta kerabat diraja yang lain. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prawit Wongswon.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'aibin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam juga berkenan berangkat ke Majlis Persantapan (kiri), sementara gambar kanan, suasana semasa majlis berlangsung.



Dari muka 8



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Persantapan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berdua ketika berkenan berangkat beramah mesra bersama tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi Majlis Persantapan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun.



JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean juga isteri (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah ketika berkenan berangkat pada Majlis Persantapan.



BERANGKAT sama pada Majlis Persantapan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun.

Majlis Menerima Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mula-mula menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri. Juga menyertai rombongan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing dan Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Leftenan Jeneral Perry Lim Cheng Yeow dan isteri.

Kemudian, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri.


Seterusnya mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral TNI (Purn.) Raymizard Ryacudu dan isteri.

Juga mengadap ke hadapan majlis baginda berdua ialah Timbalan Ketua Menteri Sarawak 1, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Douglas Uggah Embas, selaku wakil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak serta Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II dan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan dan isteri.

Majlis Menerima Mengadap disusuli dengan Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia, Yang Dihormati Dato Paduka Seri Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar dan isteri.

Akhir sekali, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prawit Wongswon.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun.



Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran kepada 22 orang penerima

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia' kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 22 orang penerima sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70 Tahun, di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada tiga penerima, iaitu Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Perry Lim Cheng Yeow; Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia, Yang Dihormati Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Al-Islam.

Istiadat diikuti dengan pengurniaan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa

Darjah Pertama (P.S.P.N.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Pahlawan' kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Brigadier Jeneral (U) Awang Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Sementara itu, empat orang Menteri Kabinet dikurniakan bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia' kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan bintang Darjah Seri Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B) kepada Timbalan Mufti Kerajaan, Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia'.

Enam orang lagi dikurniakan dengan bintang kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Paduka', iaitu Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam)



c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemberong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindf.gov.bn>.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 29 Jun 2016**. Sila layari website Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemberong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepetimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa** pada **26 Julai 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak

semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibuka kepada pemberong-pemberong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sahlu dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemberong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (*drug and medicine*) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poisen Act (Cap. 114).
- Manakala bagi pemberong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**BIL. TAWARAN :
KK/06/2016 (TUT)(SE)**

KETERANGAN :

**SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING AND COMMISSIONING
OF THREE (3) UNITS
DEFIBRILLATOR WITH AED
FOR PMMPMHAMB HOSPITAL**

YURAN TAWARAN : BND10.00

**TAWARAN TARikh TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang
26 Julai 2016**

**BIL. TAWARAN :
KK/70/2016 (UPP)(TC)**

KETERANGAN :

**SUPPLY AND DELIVERY OF CT SCAN
CONSUMABLES FOR DEPARTMENT OF
RADIOLOGY, RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR
A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

YURAN TAWARAN : BND100.00

**TAWARAN TARikh TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang
26 Julai 2016.**


**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**
PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

**Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.9/2016**

**Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN 800 BUAH
BUKU LESEN MEMANDU
SEMENTARA BND5.00**

**Tarikh Tutup / Jam :
25 Julai 2016 (Isnin), 9.00 Pagi**

**Tempat Menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.**

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 dan 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dan menulis (dengan jelas) dengan menyatakan TAJUK dan BILANGAN TAWARAN serta TARikh TUTUP tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemberong.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicap syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan kedalam PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Tarikh akhir menghantar : **25 Julai 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

7. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

8. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**.

9. Borang-borang boleh diperolehi di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan**.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III, IV & V SAHAJA
KATEGORI :
(5j SAHAJA) - (KOD LAMA)
(M01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
21 JUN 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 19 JULAI 2016
(SELASA) TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG DILANJUTKAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR/DME/13/BPB/2016**

NAMA PROJEK :

**TERM CONTRACT FOR OPERATION
AND MAINTENANCE WORKS
OF AIR CONDITIONING SYSTEM
AT LAPAU BUILDING
FOR THREE (3) YEARS
(NO. PROJEK : AM-003/2016)**

**YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan

tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBEKAL-PEMBEKAL
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : PEMBEKAL
YANG BERDAFTAR SAHAJA
KATEGORI :
(P06 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
28 Julai 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 9 Ogos 2016
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR/DTS/ 14/CQS/2016-T/II**

**NAMA PROJEK :
PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI DAN PERDAGANGAN -
PEJABAT PENEMPATAN
SEMENTARA DI PUSAT
PERDAGANGAN ANTARABANGSA @
PEMBEKALAN PERABOT
NO. PROJEK :
JKR/DTS/RKN/08/2016(B)
YURAN TAWARAN : BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengurus Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, BB2710, Negara Brunei Darussalam

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN
MINDEF/DFA/2016/TA/3005
LESEN BAGI PERISIAN
FORTICARE -
SATU (1) TAHUN**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 26 JULAI 2016**. Dokument-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **9 Julai 2016**.

b. Bayaran yuran tawaran *tender fee* hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang:
<http://www.mindef.gov.bn>.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
IV, V DAN VI SAHAJA
KATEGORI :
(KA01, M03 & P01 SAHAJA) -
(KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
26 Julai 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 9 Ogos 2016
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR/DWS/ 008/2016**

**NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN
MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
DI LOJI RAWATAN AIR BUKIT BARUN,
TUTONG**

**YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana agama Islam mula bertapak di Negara Brunei Darussalam pada Kurun Ke-14, iaitu kira-kira 600 ratus tahun yang lalu dan menjadi agama rasmi dan anutan raja-raja dan pembesar-pembesar negara serta rakyat negara ini. Bahkan ia telah mempengaruhi cara dan corak kehidupan masyarakat Brunei dari dahulu hingga

Sempena Hari Keputeraan

sekarang.

Pengaruh yang paling besar ialah falsafah dan konsep Melayu Islam Beraja atau lebih dikenali sebagai 'MIB'. Ia merupakan asas kenegaraan kita bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang mengamalkan cara hidup dengan nilai-nilai kebudayaan Melayu yang berpandukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafie yang menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul kerana agama Islam adalah agama yang benar dan direday Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali Imran, ayat 19 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya agama (yang benar dan direday) disisi Allah ialah Islam."

Kita juga bersyukur kedaulatan negara, rakyat dan penduduk negara ini sentiasa di dalam nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Negara kita juga sentiasa terpelihara, aman dan sejahtera di bawah pemerintahan, pemedulian dan keprihatinan raja yang sentiasa mengutamakan kebijakan serta keharmonian negara. Baginda juga adalah raja yang sentiasa menitikberatkan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam pentadbiran dan undang-undang negara.

Oleh yang demikian, janganlah kita lupa bahawa nikmat-nikmat ini tidak akan kekal selama-lamanya seandainya tidak dijaga dan dipelihara. Bahkan boleh mengundang azab atau bala bencana. Bukanlah Allah Subhanahu Wata'ala telah menerangkan kepada umat Islam bahawa kunci untuk mengekalkan nikmat tersebut adalah dengan menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 :

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7, tafsirnya :

"Dan (ingatlah) ketika tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Sesebuah negara sememangnya memerlukan seorang ketua negara dan pemerintah atau kerajaan bagi memimpin rakyat menuju keamanan dan kesejahteraan. Kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam amatlah beruntung kerana mempunyai seorang raja yang adil lagi bijaksana yang berusaha membangun serta memajukan negara kita seiring dengan negara-negara lain di dunia ini dalam berbagai bidang seperti agama, politik, ekonomi, kesihatan dan lain-lain lagi.

Maka sesuai pula dengan ajaran agama, bahawa kita sebagai rakyat mestilah mentati segala perintah dan kepimpinan raja atau *Ulil Amri*, kita hendaklah melaksanakan dengan sempurna, jujur dan amanah, sentiasa memberikan sokongan dan dukungan yang padu bagi mewujudkan sebuah negara yang maju dan berjaya supaya kita selamat di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul Allah dan kepada *Ulil Amri* (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada mengingatkan kita untuk mentaati pemimpin selagi arahan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam,

sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abdullah Radhiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang maksudnya :

"Mendengar dan taat kepada ketua adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, tiadalah boleh mendengar dan taat."

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa hari ini genaplah usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun. Bagi memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati serta melanjutkan usia baginda, adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia dengan sentiasa mendapat rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 186, tafsirnya :

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai-Ku maka beritahu kepada mereka : sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir kepada mereka. Aku perkenankan permohonan orang yang beroda apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dengan mematuhi perintah-Ku, dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran."

Republik Perancis - NBD kukuhkan kepelbagaian ekonomi

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kiri) dan isteri hadir pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Perancis yang diadakan di kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Loan Forgeron (kanan) di Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Julai. - Republik Perancis akan sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kepelbagaian ekonomi dan integrasi serantau dalam mengatasi titik perubahan dengan jayanya.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Loan Forgeron menjelaskan perkara itu pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Republik Perancis yang diadakan di kediaman beliau di Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan isteri.

"Perancis mempunyai pengetahuan bertaraf dunia dalam pelbagai bidang *agro-business*, industri pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi juga kerjasama pertahanan khas yang perlu diperkuatkukan," ujar Puan Yang Terutama Loan Forgeron.

Melalui syarikat-syarikat yang paling terkenal dengan rangkaian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Perancis terangnya, mereka berhasrat untuk mengekalkan fasa baharu peralihan ekonomi Brunei dan berharap dapat menggalakkan beberapa pelaksanaan serta usaha sama terutama dalam pelaburan juga pelaburan swasta di antara Republik Perancis dengan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian jelasnya, keutamaan mereka adalah untuk

menyumbang pada pengetahuan dan pemindahan teknologi melalui perkongsian jangka panjang, di mana setiap aspek kerjasama di antara kedua negara dapat diperkayakan dengan pertukaran pengalaman serta interaksi di antara rakan kongsi. Ini dikukuhkan lagi oleh ahli-ahli aktif Persatuan Perniagaan Perancis - Brunei.

Tambah PYT lagi, penghususkan hubungan Perancis - Brunei juga turut diterajui dengan pertukaran budaya yang mana, The Alliance Francaise yang sudah berada di Negara Brunei Darussalam selama hampir 30 tahun merupakan satu-satunya institusi budaya asing yang menawarkan beberapa strategi budaya yang berbahasa Perancis dan mempunyai peluang yang unik dalam dialog serta kerjasama antarabangsa.

Pada majlis tersebut juga, PYT turut memperkenalkan buat pertama kaliannya, edisi khas pertama sebuah majalah bertajuk 'L'Essentiel des relations internationales' yang didedikasikan kepada Kesultanan Brunei.

'L'Essentiel des relations internationales' merupakan keluaran majalah isu khas untuk Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam Ke-70, bermatlamat menyumbang untuk memperkuuh daya tarikan pemimpin Brunei kepada pemimpin politik dan ekonomi dari negara-negara lain.

PYT juga menyatakan, Sambutan Hari Kebangsaan Republik Perancis ini juga dapat memupuk nilai-nilai teras yang perlu ada dalam kedua-dua

buah negara, antaranya kebebasan, kesaksamaan dan persaudaraan, selain terdapat nilai-nilai yang lain yang mendukung anti kekerasan dengan berpaut kepada falsafah identiti sendiri dan tanpa mementingkan diri.

Terdahulu, Majlis Resepsi dimulakan dengan memperdengarkan lagu kebangsaan daripada kedua-dua

buah negara.

Juga hadir sama, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan isteri; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerman Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah;

Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar; Duta-duta Besar Istimewa dan Mutlak serta para Pesuruljaya Tinggi yang menetap dan berada di negara ini.

Setem Kenang-kenangan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-70

Oleh :
Noriah Haji Abdul Hamid,
Ak. Jefferi Pg. Durahman

JABATAN Perkhidmatan Pos hari ini telah mengeluarkan Setem Kenang-kenangan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun.

Setem Kenang-kenangan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun ini siap sedia untuk dijual kepada orang ramai yang berminat untuk mendapatkan bermula hari Jumaat, 10 Syawal 1437 Hijrah bersamaan 15 Julai 2016 Masihi. Keluaran setem kali ini memaparkan beberapa keistimewaan keberangkatan Kebawah DYMM di beberapa majlis dalam tempoh lima tahun kebelakangan bermula dari 15 Julai 2011 hingga 14 Julai 2016.

Melalui keluaran khas itu, Jabatan Perkhidmatan Pos juga turut mengeluarkan Lembaran Mini Biasa, Lembaran Mini Khas, Sampul Surat Rasmi Hari Pertama, Pek Kenangan dan Setem 'Booklet'. Produk-produk yang akan mula dijual pada 15 Julai ini juga adalah terhad dengan harga berikut:

1. Setem Serangkai - 70 sen x 5 setem (dicetak sebanyak 20,000 set sahaja) - BND3.50 satu set.

2. Lembaran Mini Biasa - (dicetak sebanyak 4,000 keping sahaja) - BND3.50 sekeping.

3. Lembaran Mini Khas - (dicetak sebanyak 2,000 keping sahaja) - BND70 sekeping.

4. Sampul Surat Rasmi Hari Pertama Tanpa Setem - (dicetak sebanyak 2,500 keping sahaja) - BND0.45 sekeping.

5. Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersetem - (dicetak sebanyak 2,500 keping sahaja) - BND4.14 sekeping.

6. Pek Kenangan - (mengandungi 1 set setem dan 1 keping FDC) (dicetak sebanyak 100 keping sahaja) - BND10.75 sekeping.

7. Setem 'Booklet' - (dicetak sebanyak 200 keping sahaja) - BND3.50 sekeping.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Pos, setem keluaran tersebut mempunyai keterangan reka bentuk setem tersendiri. Bagi setem pertama yang berharga 70 sen, ia memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Acara Jubli Emas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan berlatarbelakangkan Kebawah DYMM sedang memeriksa perbarisan pasukan

ABDB pada 31 Mei 2011.

Bagi setem kedua yang berharga 70 sen, memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Majlis Hafl Al-Takharruj, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kali pertama dan berlatarbelakangkan gambar para graduan menerima ijazah pada 3 November 2011.

Manakala bagi setem ketiga bernilai 70 sen ia memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 9 - 10 Oktober 2013 dan berlatarbelakangkan Kebawah DYMM bergambar ramai bersama para pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN berkenaan.

Setem keempat yang juga berharga 70 sen turut memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Majlis Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama dan berlatarbelakangkan gambar ramai pelatih-pelatih dalam perbarisan pada 2 Disember 2013.

Bagi setem kelima berharga 70 sen, memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Majlis Pelancaran Mushaf UNISSA dan Majlis Perasmian Mahrajah Hafl Al-Takharruj (Pesta Konvo) Pertama UNISSA dan berlatarbelakangkan Kebawah DYMM memulakan Penulisan Mushaf UNISSA dengan tulisan tangan pada 24 Oktober 2011.

Sementara bagi keterangan reka bentuk Lembaran Mini Biasa dan Khas pula, satu reka bentuk Lembaran Mini Biasa berharga BND3.50, Lembaran Mini Biasa ini memaparkan lima reka bentuk setem potret wajah Kebawah DYMM dengan berlatarbelakangkan mercu tanda (*landmark*) Negara Brunei Darussalam.

Bagi satu reka bentuk Lembaran Mini Khas berharga BND70, Lembaran Mini Khas ini memaparkan potret Kebawah DYMM semasa Upacara Sovereign's Parade Kursus Pentauliahan 102, Akademi Tentera Diraja Sandhurst di United Kingdom (UK) sebagai wakil peribadi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the UK of Great Britain and Northern Ireland. Lembaran Mini Khas ini berlatarbelakangkan Kebawah DYMM memeriksa perbarisan para Pegawai Kadet Akademi Tentera Diraja Sandhurst dan para Pegawai Kadet Akademi Tentera Diraja berkawad yang mana



salah seorang Pegawai Kadet Akademi adalah paduka anakanda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen pada 14 April 2011.

Sementara itu, Sampul Surat Rasmi Hari Pertama ini memaparkan panji-panji Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala Cop Tarikh Rasmi ini memaparkan tarikh sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-70 yang digunakan sebagai tarikh Keluaran Rasmi Hari Pertama pada 15 Julai 2016.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Pos juga telah mengeluarkan

Setem Kenang-kenangan sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya Hari Keputeraan Ke-50 pada 15 Julai 1996, Hari Keputeraan Ke-55 pada 15 Julai 2001, Hari Keputeraan Ke-60 pada 15 Julai 2006 dan Hari Keputeraan Ke-65 pada 15 Julai 2011.

Bagi Setem Kenang-kenangan keluaran 15 Julai 2016, ia mula dijual kepada orang ramai pada Jumaat 15 Julai bermula jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang. Setem-setem berkenaan boleh didapat di cawangan pos berikut;

1. Setem Galeri, Bandar Seri Begawan
 2. Pejabat Pos Lapangan Terbang Lama (MPC) Berakas
 3. Pejabat Pos Seri Kompleks
 4. Pejabat Pos Sengkurong
 5. Pejabat Pos Muara
 6. Pejabat Pos Tutong
 7. Pejabat Pos Seria
 8. Pejabat Pos Kuala Belait
- Keterangan lanjut, orang ramai yang ingin membuat tempahan awal bolehlah menghubungi Kaunter Galeri, Unit Filatelic, Pejabat Besar Pos Bandar Seri Begawan BS8611 melalui telefon 2222191 atau faks ke nombor 2222784 dan e-mel brustamp@post.gov.bn.

Menteri Pembangunan hadiri SIWW, Singapura

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (depan, kiri) semasa menghadiri Minggu Air Antarabangsa Singapura (SIWW) di Republik Singapura pada 10 hingga 12 Julai 2016.

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 12 Julai. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah baru-baru ini telah menghadiri Minggu Air Antarabangsa Singapura (SIWW) di Republik Singapura pada 10 hingga

12 Julai 2016.

SIWW yang dianjurkan setiap dua tahun sekali ini adalah sebagai platform global bagi berkongsi dan membina kaedah inovatif bagi masalah air.

Majlis perasmianya telah

disempurnakan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam.

Acara tersebut telah mengumpulkan para Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanan dari 35 buah negara dan pihak-pihak

berkepentingan dalam industri air dunia bagi mengongsikan amalan-amalan terbaik dan teknologi-teknologi terkini.

Semasa Persidangan SIWW dijalankan, Mesyuarat Ahli-Ahli Negara ASEAN bersama Republik

Rakyat China, Republik Korea dan Jepun juga diadakan yang mana membincangkan strategi-strategi dan kerjasama dalam menghadapi isu-isu cabaran yang berkaitan dengan bekalan air dan sanitasi di serantau ini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga telah mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk bagi menguatkan lagi kolaborasi dalam bidang yang berkaitan dengan bekalan air dan sanitasi di antara kedua-dua buah negara.

Selain itu, turut dibincangkan ialah usaha meningkatkan kapasiti profesional dan inovasi teknologi, meningkatkan kesediaan dan kemampaman bekalan air dan sanitasi untuk seluruh rakyat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menghadiri persidangan kemuncak 'Water Leader Summit', Pameran Inovasi dan Teknologi Air dan juga Majlis Penghargaan berprestij 'Lee Kuan Yew Water Prize', di mana tetamu kehormatan pada Majlis Penghargaan tersebut ialah Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan.



PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei (PB), Denis Ho Mun Tai ketika berucap mengalau-alukan kemasukan pelajar pelajar baharu PB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Julai. - Politeknik Brunei (PB) mengalau-alukan seramai 815 pelajar baharu yang akan mengikuti Sesi Akademik 2016 / 2017.

Hadir bagi mengalau-alukan para pelajar pengambilan baharu tersebut ialah Pemangku Pengarah PB, Denis Ho Mun Tai.

Majlis yang menandakan permulaan Minggu Orientasi Pengambilan Ke-6 PB berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Minggu Orientasi akan diadakan selama tiga hari itu akan diisikan dengan program-program yang akan membantu para pelajar untuk mengenali PB dengan lebih dekat dan memberikan gambaran kehidupan sebagai pelajar politeknik.

Selain itu, para pelajar juga akan diberikan taklimat mengenai

815 pelajar baharu PB Sesi Akademik 2016 / 2017 diterima masuk

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

kesedaran kewangan oleh perwakilan dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), taklimat dari Jabatan Pembelajaran dan Perpustakaan, taklimat dari Jabatan Perkhidmatan Industri mengenai *internship*, kesihatan dan alam sekitar serta mengikuti aktiviti-aktiviti kendalian yang dialu-alukan oleh PB.

Terdahulu, Pemangku Pengarah PB, Denis Ho Mun Tai dalam ucapannya berkata, bagi sesi pengambilan kali ini, sebanyak 21 kursus diploma pada peringkat 4 dan 5 akan dikendalikan di School of Business and School of Information and Communication Technology di Kampus Ong Sum Ping.

Sementara itu, kursus-kursus Sains dan Kejuruteraan pada peringkat 5 akan dikendalikan di School of Science and Engineering di Kampus Lumut dan kursus-kursus Health Sciences pada peringkat 4 dikendalikan di Institut Sains Kesihatan, Universiti Brunei Darussalam.

Menurut beliau, kursus-kursus di PB dikendalikan dengan mengikuti keperluan pihak industri bagi tujuan pembangunan dan perkembangan sosial serta ekonomi negara.

"Dalam usaha PB untuk menjalankan kursus-kursus ini dengan jumlah pelajar yang semakin besar, setentunya ada cabaran-cabaran dari segi keperluan infrastruktur, akademik dan operasi. Justeru itu, sifar sabar, kerjasama dan sokongan di antara semua yang terlibat terutama

memberi nasihat kepada semua pelajar baharu supaya dapat mematuhi keperluan dan kepentingan kedatangan sepanjang pengajian di PB kerana kedatangan kurang dari 85 peratus akan mengakibatkan pelajar gagal sesuatu modul pada akhir semester atau menjelaskan peluang pelajar berkenaan untuk memperolehi sijil diploma.

Bagi Sesi 2016 / 2017, sejumlah 21 program yang ditawarkan oleh PB yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 18 program Level 5

Diploma sebanding dengan kelulusan Diploma Kebangsaan Tertinggi (HND) dan tiga program Level 4 Diploma sebanding dengan kelulusan Diploma Kebangsaan Biasa (OND).

PB yang terletak di kampus utamanya di Ong Sum Ping telah membuka kampus satelit di Lumut khas bagi program-program dibawah Sekolah Sains dan Kejuruteraan.

Juga hadir ialah Penolong Pengarah PB, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.



SERAMAI 815 pelajar baharu PB yang akan mengikuti Sesi Akademik 2016 / 2017 membaca ikrar pelajar pada majlis mengalau-alukan kemasukan mereka pada Minggu Orientasi Pengambilan Ke-6 PB berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

AJK MPK Kilanas anjur Majlis Berdikir sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-70

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Julai. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas telah menganjurkan Majlis Berdikir sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masih.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Sabtu yang juga selaku Penasihat I AJK Takmir Masjid Kampung Kilanas

dan Penasihat II AJK Takmir Masjid Kampung Kilanas, Awang Musa bin Haji Mantok.

Para pendikir terdiri daripada pendikir-pendikir Kampung Kilanas dan pendikir-pendikir dari Kampung Bengkong selaku pendikir undangan.

Acara antara lain bertujuan untuk memupuk dan menjalin hubungan baik dan mesra serta erat antara AJK MPK Kilanas dan AJK Takmir Masjid Kampung Kilanas dengan semua jemaah masjid khasnya dan semua pendikir-pendikir jemputan yang turut hadir.

Selain itu, ia juga bagi memupuk rasa kasihkan raja dan mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan



ANTARA yang hadir pada Majlis Berdikir ialah Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Sabtu yang juga selaku Penasihat I Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan Penasihat II Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas, Awang Musa bin Haji Mantok.

sentiasa kekal karar memerintah terus berpanjangan.

Majlis Berdikir diadakan selama

dua malam berturut-turut iaitu pada 13 hingga 14 Julai.

BSP hulur derma anak yatim

Berita dan Foto : Ihsan Pg. Haji Edrus Pg. Haji Mahmud



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Julai. - Seramai 29 anak yatim Kampung Manggis dan Kampung Madang telah menerima derma sumbangan dari Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP).

Pegawai Kanan BSP, Awang Haji Sufri bin Haji Sulaiman menyampaikan derma berkenaan pada majlis yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, di sini.

Beliau juga menyampaikan wakaf pada masjid berkenaan yang diterima oleh Imam Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

PARA penerima derma terdiri daripada anak-anak yatim Kampung Manggis dan Kampung Madang.

Pusat Ehsan raikan hari raya

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

KAMPUNG BENGKURONG, Khamis, 14 Julai. - Insan-insan istimewa terus diraikan dalam Sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pelbagai pihak di negara ini.

Syarikat Food Panda meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama penuntut istimewa dan warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bertempat di Dewan Serbaguna, pusat berkenaan, di sini.

Hadir sama ialah Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Sambutan itu dimeriahkan lagi dengan persembahan, antaranya tarian hari raya, peraduan mewarna bersama penuntut istimewa pusat berkenaan.

Pusat Ehsan merupakan sebuah



SEBAHAGIAN daripada penuntut Pusat Ehsan bergambar dengan maskot Food Panda Brunei semasa meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Serbaguna, pusat berkenaan.

badan amal bukan kerajaan dan tidak berdasarkan keuntungan yang menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemeliharaan dan perkhidmatan pemuliharan anggota badan kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Setakat ini, seramai 156 penuntut istimewa berdaftar di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkong dan 53 orang lagi di Cawangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kuala Belait.

BIBD di kedudukan ke-38 dalam The Banker

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Julai. - Baru-baru ini majalah The Banker mengeluarkan kedudukan tahunan 1000 Bank Dunia yang mana Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah disenaraikan di kedudukan ke-38 dari kedudukan sebelumnya yang ke-42 dari segi kekuhanan nisbah aset modal.

Menurut The Banker, modal atau aset kedudukan nisbah yang tinggi mencerminkan model perniagaan yang sihat dan kekuatan kewangan yang baik.

Tahun ini, BIBD terus kekal sebagai satu-satunya bank yang mewakili Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu bank utama di dunia.

BIBD juga mengekalkan kedudukan keseluruhan yang agak baik di tempat ke-740 dalam kumpulan bank-bank utama, di samping meletakkan kedudukannya di tempat ke-144 dari segi pulangan aset yang mengagumkan.

Kedudukan ini memberi gambaran akan kecekapan pengurusan BIBD dalam menggunakan aset untuk menjana pendapatan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DAULAT, DIRGAHAYU KEBAWAH DULI TUAN PATIK

دربیتکن اوله جیاتن فراغعن، جیاتن فردا متری دان ڈچیتک اوله جیاتن فرچیتکن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.